

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN SURVEI PENGALAMAN PELAJAR DI INSTITUSI**  
**(SPPdl) BAGI PELAJAR SEMESTER AKHIR INSTITUSI PENDIDIKAN**  
**TINGGI**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Cadangan pelaksanaan exit survey telah dibentangkan oleh Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Kerjaya Universiti Awam sempena bengkel semakan instrument SKPG yang diadakan pada Jun 2024, di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 1.2 Sehubungan itu, pelaksanaan *exit survey* atau dinamakan **Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl)** memerlukan penyertaan pelajar semester akhir pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

**2. OBJEKTIF PELAKSANAAN SURVEI PENGALAMAN PELAJAR DI INSTITUSI (SPPdl)**

- 2.1 Menilai tahap kepuasan pelajar terhadap pengalaman pembelajaran sepanjang pengajian untuk mengukur keberkesanan program akademik dan persekitaran IPT bagi memenuhi jangkaan dan keperluan pelajar.
- 2.2 Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan institusi dari perspektif pelajar bagi membantu pihak universiti mengekalkan aspek yang cemerlang serta memantapkan elemen yang kurang berkesan.

- 2.3 Menilai keberkesanannya perkhidmatan sokongan pelajar dan kemudahan yang disediakan termasuk perkhidmatan akademik, kaunseling, kemudahan ICT, asrama, sukan dan kesihatan.
- 2.4 Menilai tahap penguasaan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritikal dan keusahawanan sebagai persediaan memasuki dunia pekerjaan.
- 2.5 Menyokong pelaksanaan budaya penambahbaikan berterusan di institusi di mana daptan SPPdl boleh digunakan sebagai petunjuk penilaian dalaman dan penambahbaikan program akademik.
- 2.6 Meningkatkan tahap keterlibatan pelajar dalam proses penjaminan kualiti dengan memberi peluang kepada pelajar menyumbang secara bermakna dalam penilaian institusi.

### **3. TERMINOLOGI**

#### **3.1 Pelajar Semester Akhir**

Merujuk kepada semua pelajar yang berada pada semester akhir mengikut program pengajian sama ada yang mengikuti pengajian sepenuh masa, separuh masa atau pembelajaran maya.

#### **3.2 Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl)**

Kaji selidik yang akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mengumpul maklum balas daripada pelajar semester akhir mengenai kualiti pendidikan dan pengalaman mereka sepanjang tempoh pengajian.

#### **4. SKOP KAJIAN**

##### **4.1 Institusi Pendidikan Tinggi yang terlibat**

Semua IPT yang menyertai Kajian Pengesahan Graduan

##### **4.2 Peringkat Pengajian**

Semua pelajar semester akhir peringkat sijil hingga Doktor Falsafah (PhD).

##### **4.3 Jangka Masa Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl)**

Pelajar semester akhir boleh melengkapkan kaji selidik berdasarkan tempoh buka dan tutup sistem yang ditetapkan oleh IPT masing-masing.

#### **5. METODOLOGI**

##### **5.1 Pengumpulan data pelajar dari sistem MyMoheS ke SPPdl**

###### **i) Data Pelajar Semester Akhir**

Senarai pelajar semester akhir mengikut program pengajian perlu dikemaskini oleh pihak IPT pada pangkalan data pelajar MyMoheS. Sebanyak 38 medan data pelajar semester akhir akan disalurkan daripada MyMoheS ke SPPdl.

## 5.2 Kesahihan Data SPPdl

Bagi pelajar yang telah melengkapkan SPPdl namun tidak berjaya mendapat kelulusan senat untuk berkonvokesyen, data akan disimpan selama setahun. Pada tahun berikutnya, pelajar tersebut perlu mengisi kembali kaji selidik ini.


Bagi pelajar yang mengikuti dua (2) atau lebih peringkat dan program pengajian di IPT yang sama perlu melengkapkan kaji selidik mengikut peringkat/program pengajian.

## 6. STRUKTUR INSTRUMEN SURVEI PENGALAMAN PELAJAR DI INSTITUSI (SPPdl)

6.1 Soal selidik SPPdl terbahagi kepada dua (2) bahagian dan perlu dijawab oleh pelajar semester akhir, iaitu:

- i) **Profil Responden**
  - a) Maklumat latar belakang pelajar
  - b) Maklumat pengajian (disemak oleh pelajar)
- ii) **Penilaian berdasarkan pengalaman pelajar semasa mengikuti pengajian di institusi merangkumi:**
  - a) kurikulum;
  - b) sistem penilaian yang digunakan oleh institusi;
  - c) tenaga pengajar;
  - d) kemudahan prasarana;
  - e) perkhidmatan kaunseling dan bimbingan;
  - f) penilaian institusi pengajian;
  - g) kemahiran ICT dan bahasa;
  - h) aktiviti ko-kurikulum; dan
  - i) program kemahiran.

## ALIRAN PELAKSANAAN SURVEI PENGALAMAN PELAJAR DI INSTITUSI (SPPdl)



**Carta 1: Aliran Proses Pelaksanaan Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl)**

## 7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

- 7.1 Bagi menjayakan pelaksanaan Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl) ini, setiap IPT adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
- i. Memaklumkan kepada KPT nama penyelaras dan pegawai teknikal yang bertanggungjawab pada SPPdl di peringkat IPT;
  - ii. Memastikan data pelajar semester akhir adalah lengkap, tersedia dan berkualiti untuk melaksanakan langkah berikut:
    - a) Mengemaskini maklumat pelajar semester akhir pada pangkalan data MyMoheS;
    - b) Mengemaskini status pelajar yang layak berkonvokesyen selepas kelulusan senat dan membekalkan maklumat pengajian (CGPA, Ijazah dianugerahkan, pengkhususan, bulan dan tahun tamat pengajian, dan bulan serta tahun konvokesyen) ke sistem MyMoheS secara *real time* data;
  - iii. Menetapkan tarikh mula dan tarikh tamat pelaksanaan SPPdl;
  - iv. Memantau penyertaan pelajar semester akhir dalam SPPdl dan mengambil tindakan susulan jika perlu;
  - v. Memahami keseluruhan pelaksanaan SPPdl ini terutamanya dari aspek skop kajian dan proses pelaksanaan;

- vi. Memastikan penyampaian maklumat yang berkesan terutamanya dalam aspek kesedaran dan kefahaman berhubung pelaksanaan SPPdl kepada pelajar semester akhir dan semua pihak yang berkepentingan;
- vii. Memastikan kepatuhan dalam penghantaran data dan kawalan kualiti data yang akan disimpan di pangkalan data MyMoheS dan SPPdl;
- viii. Mematuhi segala peraturan berhubung kerahsiaan data serta penyimpanan maklumat dan dokumen rasmi Kerajaan; serta
- ix. Mendokumenkan secara sistematik semua **proses kerja berkaitan pelaksanaan SPPdl** untuk tujuan rujukan dan penambahbaikan berterusan.

## 8. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

Sebarang maklum balas dan pertanyaan berhubung pelaksanaan **Survei Pengalaman Pelajar di Institusi (SPPdl)** sila hubungi:

Seksyen Data  
Bahagian Perancangan Strategik  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 13, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 PUTRAJAYA**  
**(E-mel: skpg@mohe.gov.my)**